

Headline	Kuasa kawal selia minyak, gas 1 Julai		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	24 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	1,3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,209
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,627



Kuasa kawal selia minyak, gas 1 Julai

BERITA MUKA 3



RAMAH MESRA... Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg beramah mesra dengan orang ramai yang hadir pada Majlis Ramah Tamah Alidilfitri anjuran DUN55-Nangka di Dewan Kampung Nyabor (M.U.C), di Sibu pagi semalam.

SIBU: Kerajaan negeri Sarawak akan melaksanakan kuasa kawal selia aktiviti minyak dan gas hulu mulai 1 Julai ini mengikut Ordinan Perlombongan Minyak (OMO).

Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, ini bermakna sebahagian daripada kuasa di bawah OMO akan dilaksanakan oleh Petroleum Sarawak Berhad (PETROS).

"Kita akan membuat pembaikan kepada undang-undang OMO daripada sudut terminologinya kerana beberapa pekara yang ada dalam undang-undang itu tidak sesuai lagi seperti dalam undang-undang disebutkan 'Chief-Secretary', sekarang ini tiada 'Chief-Secretary.'

Headline	Kuasa kawal selia minyak, gas 1 Julai		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	24 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	1,3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,209
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,627

Sebahagian daripada kuasa di bawah OMO akan dilaksanakan PETROS

Kuasa kawal selia minyak, gas 1 Julai

.....
EARL ANEK

SIBU: Kerajaan negeri Sarawak akan melaksanakan kuasa kawal selia aktiviti minyak dan gas hulu mulai 1 Julai ini mengikut Ordinan Perlombongan Minyak (OMO).

Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, ini bermakna sebahagian daripada kuasa di bawah OMO akan dilaksanakan oleh Petroleum Sarawak Berhad (PETROS).

"Kita akan membuat pembaikan kepada undang-undang OMO dari sudut terminologinya kerana beberapa pekara yang ada dalam undang-undang itu tidak sesuai lagi seperti dalam

undang-undang disebutkan 'Chief-Secretary', sekarang ini tiada 'Chief-Secretary'.

"Ini kita tukarkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ini adalah salah satu daripadanya yang akan kita perbaiki dalam OMO," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemubual para pembezita selepas beramah mesra dengan orang ramai yang mengunjungi Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran DUN55 Nanga di Dewan Kampung Nyabor (M.U.C), pagi semalam.

Katanya, apa yang berlaku ialah negeri Sarawak mempunyai undang-undang negeri dan pihak Petronas hendaklah patuh kepada undang-undang negeri.

"Kita tidak akan membuatkan keadaan abnormal. Perusahaan minyak dan gas akan berjalan seperti sediakala.

"Hanya negeri Sarawak sekarang mempunyai hak mentadbir urus daripada sudut undang-undang supaya kita patuh kepada undang-undang yang termaktub dalam pelembagaan kita," ujarnya.

Dalam pada itu, lebih kurang 600 orang penduduk di kawasan Kampung Bandong, Kampung Barieng dan Kampung Datuk Baru menghadiri majlis tersebut.

Turut hadir isteri Ketua Menteri, Datin Patinggi Dato Juma'ani dan Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi, Dr Annuar Rapa'ee.

Headline	Kuasa kawal selia minyak, gas 1 Julai		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	24 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	1,3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,209
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,627



RAMAH MESRA... Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg beramah mesra dengan orang ramai yang hadir ke Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran DUN55 Nangka di Dewan Kampung Nyabor (M.U.C), di Sibu, pagi semalam.